

Dua pakej MRT akan diumumkan tidak lama lagi

PETALING JAYA 13 April - Pemberian tender dua lagi pakej Transit Aliran Massa (MRT) iaitu V1 dan V4, akan diumumkan dalam masa terdekat.

V1 adalah projek pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja berkaitan lain yang bermula dari Sungai Buloh ke Kota Damansara, manakala V4 merupakan projek yang bermula dari Section 16 hingga ke Portal Semantan.

Sebelum ini, dua pakej pertama iaitu V5 dan V6 masing-masing telah dimenangi oleh IJM Corp Bhd. dan Ahmad Zaki Resources Bhd., masing-masing bernilai RM974 juta dan RM765 juta.

Terdapat lapan pakej kesemuanya dan pemberian empat lagi tender seterusnya akan diumumkan secara berperingkat.

Dalam pada itu, pusat pameran Kod Amalan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE) telah dibangunkan oleh rakan pelaksana projek (PDP) Transit Aliran Massa (MRT), MMC-Gamuda, di depot pembinaan Sungai Buloh, untuk dijadikan rujukan kepada setiap pihak yang berjaya memenangi tender pembinaan projek di bawah MRT.

Pusat pameran berkeluasan setengah hektar bernilai RM1 juta itu akan dijadikan rujukan kepada syarikat pembida.



WARTAWAN diberi penerangan mengenai sistem keselamatan dan peralatan digunakan untuk pembinaan MRT di Sungai Buloh, semalam.